



**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

BAYARAN ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai kelulusan bayaran Elaun Tanggungjawab Khas (ETK), kaedah pelaksanaan pemberiannya, serta kaedah – kaedah pembayarannya.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Persekutuan pada 1 Julai 2009, melalui Surat Edaran JPA(S)NP.134/1Klt.19/s.k2(11) bertarikh 14 Mei 2009, telah memutuskan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan semasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Tempoh perkhidmatan untuk pertimbangan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK) ini seterusnya telah dipendekkan kepada 13 tahun melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 - Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan, dan seterusnya ditambah baik melalui Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017 - Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana.

3. Keputusan-keputusan kerajaan ini merupakan keistimewaan yang dipanjangkan kepada anggota kumpulan pelaksana, sebagai satu kaedah untuk kenaikan pangkat, tanpa perlu terikat kepada keperluan kekosongan jawatan. Namun begitu, keputusan ini menyebabkan emolumen yang diterima oleh penyandang yang menerima kenaikan pangkat secara TBK ini adalah setara dengan penyandang hakiki, walaupun penyandang TBK tidak semestinya melaksanakan tugas – tugas penyeliaan.

4. Sebagai galakan dan insentif terhadap anggota di Kumpulan Pelaksana yang mengisi jawatan kenaikan pangkat secara hakiki, khususnya yang menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab penyeliaan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meluluskan pemberian ETK kepada anggota tersebut.

5. Inisiatif ini juga dilihat dapat dijadikan satu insentif dan galakan kepada anggota di gred lantikan yang berpotensi untuk memohon dan seterusnya mengisi kekosongan hakiki di gred – gred kenaikan pangkat.

TAFSIRAN

6. Bagi maksud surat pekeliling ini :

"kenaikan pangkat" ertinya peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat;

"**Ketua Jabatan**" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan di peringkat negeri, cawangan, daerah, daerah kecil atau pejabat, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

"**pemangkuan**" ertinya pelaksanaan tugas oleh seseorang pegawai secara sepenuh masa, suatu jawatan lain yang lebih tinggi grednya daripada gred hakiki pegawai itu dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.

SKIM, GRED DAN KADAR ETK

7. Skim perkhidmatan dan gred yang layak untuk diberikan ETK, beserta kadar elaun adalah seperti diperincikan di Jadual 1.

Jadual 1 : Skim Perkhidmatan, Gred dan Kadar ETK

Skim/Gred	Kadar Elaun (Sebulan)
Semua Skim di Gred Hakiki Kenaikan Pangkat 14 – 18	RM70.00
Semua Skim di Gred Hakiki Kenaikan Pangkat 22 – 40	RM100.00

PELAKSANAAN

8. Bayaran Elaun Tanggungjawab Khas layak diberikan kepada pegawai yang memenuhi kesemua syarat berikut :

- (a) dilantik sebagai pegawai tetap dalam Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang;
- (b) mengisi jawatan kenaikan pangkat di Kumpulan Pelaksana secara hakiki; dan

- (c) melaksanakan tugas – tugas penyeliaan sebagai sebahagian dari tugas hakiki.

9. Pemberian Bayaran Elaun Tanggungjawab Khas hendaklah **diberhentikan** apabila pegawai berada dalam keadaan seperti berikut :

- (a) bercuti tanpa gaji;
- (b) bercuti belajar tanpa gaji;
- (c) bercuti separuh gaji;
- (d) bercuti belajar separuh gaji;
- (e) bercuti belajar bergaji penuh kerana berkursus melebihi tiga (3) bulan;
- (f) bercuti rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- (g) bercuti haji;
- (h) bercuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- (i) cuti bersalin; dan
- (j) kombinasi mana-mana jenis cuti di perenggan (f), (g), (h) dan (i) di atas yang melebihi 28 hari berturut-turut.

10. Pegawai yang sedang dalam tempoh pemangkuan bagi tujuan kenaikan pangkat layak diberikan bayaran ETK berdasarkan gred jawatan yang dipangkunya.

11. Sekiranya tempoh pemangkuan/perkhidmatan pegawai di gred kenaikan pangkat tidak genap sebulan kalendar, pemberian ETK perlu dibuat secara *proportionate*.

12. Pegawai yang bersara/ meninggal dunia/ meletak jawatan/ tamat perkhidmatan, pemberian ETK bagi bulan terakhir perkhidmatan pegawai perlu dibuat secara *proportionate*, tertakluk kepada hari sebenar pegawai berkhidmat.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

13. Ketua Jabatan perlu memastikan peruntukan sedia ada jabatan mencukupi bagi tujuan pembayaran ETK ini.

14. Ketua Jabatan juga perlu memastikan setiap pegawai yang mengisi jawatan kenaikan pangkat secara hakiki di bawah seliaannya menjalankan tugas – tugas penyeliaan sebagai sebahagian dari tugas hakikinya.

15. Ketua Jabatan perlu menguruskan pembayaran berdasarkan tatacara di perenggan 8 hingga 12 bagi anggota yang layak di bawah seliaannya. Pembayaran elaun ini adalah di bawah Objek Lanjut 12199 – Elaun Tetap Yang Lain; ataupun mana-mana kod objek yang ditentukan oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

TARIKH KUAT KUASA

16. Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari **1 Januari 2022**.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, kemudahan ini turut dipanjangkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"


(DATO' DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMED YUNUS)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Februari 2022

Semua Ketua Bahagian PSUKPP

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan